

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS]

SOALAN NO. 40

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah bantuan kewangan defisit dan bantuan kewangan pendahuluan kepada negeri-negeri di Malaysia pada tahun 2018.

JAWAPAN

1. Untuk makluman **Y.B. TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI**, Pemberian Kepada Negeri-negeri Yang Menghadapi Kekurangan Wang Di Dalam Akaun Mengurus atau lebih dikenali sebagai Pemberian Defisit dibuat mengikut peruntukan Perkara 109(6) Perlembagaan Persekutuan. Pemberian Defisit bertujuan untuk membantu negeri yang mengalami kekurangan wang di dalam akaun mengurus bagi tahun sebelumnya. Perkiraan defisit berdasarkan kepada formula yang telah ditetapkan dan mendapat perakuan daripada Jabatan Akauntan Negara.
2. Manakala Pendahuluan merupakan kumpulan wang dalam bentuk tabung pusingan yang diwujudkan melalui resolusi yang diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1981. Pendahuluan ini bertujuan untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri mengatasi masalah aliran tunai pada tahun semasa.
3. Bagi tahun 2018, jumlah Pemberian Defisit dan Pendahuluan masing-masing sebanyak RM73.7 juta dan RM58 juta.
4. Pemberian defisit bagi tahun 2018 adalah kepada Kerajaan Negeri Perlis sebanyak RM42.1 juta dan Pahang sebanyak RM31.6 juta. Manakala, pendahuluan bagi tahun 2018 adalah kepada Kerajaan Negeri Kelantan sebanyak RM22.5 juta dan Perlis sebanyak RM35.5 juta. Pemberian defisit dan pendahuluan telah diberikan bagi memastikan Kerajaan negeri tersebut mampu menampung perbelanjaan mengurus masing-masing, terutamanya dalam membayar emolumen kakitangan awam di peringkat negeri.